



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

SIARAN MEDIA

PETRA KOMITED PERKUKUHKAN PELAKSANAAN TRANSFORMASI SEKTOR AIR

KUCHING, 28 APRIL 2024 – Kerajaan komited untuk memperkukuhkan pelaksanaan transformasi sektor air demi memastikan bekalan air yang terjamin dan selamat kepada rakyat melalui pemanfaatan teknologi pintar dan pendigitalan untuk meningkatkan kecekapan.

Transformasi sektor air ini akan menzahirkan sumber air negara yang berdaya maju dan mendorong Malaysia sebagai hab air dinamik yang boleh menyumbang kepada pembangunan ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan baharu serta memudahcara penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersialan yang berdaya tahan.

Dalam konteks ini, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) memainkan peranan penting dalam memperkasakan tadbir urus air di peringkat Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Kerajaan Tempatan ke arah pengurusan air yang bersepadu.

Transformasi sektor air ke arah pengurusan air yang lebih cekap memerlukan sistem maklumat yang terintegrasi, memudahkan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Ini penting untuk melindungi keselamatan air dan kemampanan ekosistem bagi masa depan yang lebih baik.

Hal ini ditegaskan oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak dalam ucapannya sewaktu melancarkan Hari Air Sedunia (HAS) 2024 di Tebingan Kuching, Sarawak pada hari ini.

Turut hadir di majlis tersebut YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri PETRA, menteri-menteri Kabinet Sarawak dan Pegawai-pegawai Jabatan/Agensi Persekutuan dan Negeri.

Sambutan Hari Air Sedunia (HAS) 2024 bertujuan memperbaharui fokus terhadap kepentingan dan manfaat pengurusan air untuk keamanan melalui peningkatan kerjasama secara berkesan dan mengelak pertikaian berkaitan air sejajar dengan aspirasi temanya tahun ini, 'Air untuk Keamanan'.

Kerajaan Persekutuan sentiasa memberi penekanan kepada pembangunan pengurusan infrastruktur air di peringkat Negeri kerana secara tidak langsung menggalakkan pertumbuhan dan kemakmuran negara melalui penyampaian perkhidmatan air kepada sektor-sektor utama yang menjana kesejahteraan rakyat. Pada masa kini, Kerajaan sedang membangunkan 46 projek berkaitan air di negeri Sarawak dengan kos projek sebanyak RM6.01 billion melalui RMK-12.

Beliau bertekad untuk memastikan keseluruhan projek pelbagai skop ini akan dapat disiapkan untuk mengatasi isu bekalan air dan pengurangan risiko bencana air dan memberikan manfaat kepada warga Sarawak.

Sambutan HAS 2024 telah menarik penglibatan seramai 2,000 orang pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat dengan pelbagai aktiviti menarik seperti pameran agensi-agensi Kerajaan dan swasta, pertandingan memancing, pertandingan mewarna dan melukis, pertandingan H2O Quest, pertandingan sukan rakyat, zumba Madani dan persembahan artis tempatan.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

28 APRIL 2024

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)

Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

